



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2014

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGISIAN
KEKOSONGAN JAWATAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan mengenai urusan permohonan pengisian kekosongan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan yang menggunakan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke atas bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi tahun 2014.

LATAR BELAKANG

2. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah mengadakan pelbagai program-program transformasi dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan sistem penyampaian serta merakyatkan perkhidmatan bagi memenuhi kehendak pelanggan dan keperluan sumber manusia sektor

awam. Urusan pengambilan juga diperkemas lagi dalam memastikan ianya dijalankan dengan teratur dan tepat.

3. Pengisian jawatan kosong yang dilaksanakan oleh SPA melalui urusan pengambilan adalah mengikut peruntukan P.U.(A)1 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Pengambilan seseorang calon bagi mengisi kekosongan jawatan juga adalah mengikut syarat –syarat dalam Skim Perkhidmatan yang ditetapkan.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGISIAN

Perancangan Pengisian Kekosongan

6. SPA telah melaksanakan urusan permohonan jawatan sepanjang masa secara *online* melalui Portal SPA, <http://www.spa.gov.my>. Melalui permohonan yang dikemukakan, SPA akan memilih calon-calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan yang terdapat di Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri. Bagi melancarkan urusan pengisian tersebut, pihak Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri hendaklah mengambil kira tempoh keseluruhan proses pengambilan yang melibatkan pengemaskinian maklumat kekosongan di Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri, permohonan pengisian, urusan-urusan di bawah MyRecruitment, persediaan pegawai untuk melapor diri dan penjadualan latihan asas (bagi jawatan-jawatan tertentu). Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu mengambil kira perkara-perkara di atas bagi membolehkan pengisian kekosongan jawatan dibuat pada masa yang ditetapkan secara sistematik dan berkesan. Oleh itu, perancangan yang teliti harus dibuat dengan mengambil kira urusan kenaikan pangkat, persaraan, pengwujudan jawatan baru dan penjumudan jawatan lama yang akan berlaku pada tahun 2014 sebelum permohonan tersebut dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri kepada SPA.

Permohonan Pengisian Secara *Online* Melalui ePengisian

7. Dengan pelaksanaan permohonan pengisian secara *online* melalui sistem **ePengisian**, semua permohonan yang diterima daripada Pengurus Sumber Manusia (PSM) Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri telah dapat dilaksanakan secara lebih berkesan. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab PSM di Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri untuk terus memastikan setiap permohonan pengisian jawatan dibuat melalui ePengisian selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2002.

8. Sekiranya berlaku sebarang perubahan terhadap bilangan kekosongan selepas melengkapkan permohonan ePengisian tersebut dan urusan temu duga sedang dijalankan, PSM hendaklah memaklumkan segera kepada SPA secara bertulis supaya tindakan lanjut seperti penambahan jumlah pelantikan dan calon simpanan dapat diselaraskan. Pegawai Pengawal di setiap Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri adalah diberi kuasa untuk meluluskan pengisian perjawatan masing-masing sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melantik.

Manual Pengguna ePengisian boleh dicapai di laman web SPA melalui alamat seperti di bawah iaitu http://imej.spa.gov.my/pdf/Manual_Pengguna.pdf.

Bidang Pengkhususan Akademik

9. Pihak Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu sentiasa prihatin terhadap perkembangan bidang pengkhususan pengajian yang diperolehi oleh graduan pada masa ini bagi mengenalpasti bidang-bidang pengajian yang bersesuaian dengan keperluan tugas sesuatu jawatan tersebut. Oleh itu, pihak Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu

berbincang dengan pihak SPA dan membuat pengesahan bidang sebelum tapisan dibuat ke atas calon-calon yang memohon jawatan tersebut. Kaedah ini bukan sahaja dapat memperkemaskan lagi proses tapisan dan pemilihan calon tetapi juga dapat membantu SPA menyenarai pendek calon-calon yang benar-benar berkelayakan dan mempunyai potensi yang tinggi untuk mengisi kekosongan jawatan yang dipohon.

Golongan Orang Kurang Upaya

10. Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri disarankan agar mempertingkatkan peluang golongan Orang Kurang Upaya (OKU) mengisi kekosongan jawatan di Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri masing-masing. Jawatan-jawatan yang tidak memerlukan syarat-syarat fizikal boleh dipertimbangkan untuk golongan OKU yang berkelayakan memandangkan mereka juga boleh melakukan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan sebagaimana rakan-rakan yang lain. Pihak Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu mengenal pasti jawatan-jawatan bersesuaian yang boleh diisi oleh OKU bagi memastikan golongan OKU mendapat peluang yang adil dan saksama. Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu memastikan persekitaran yang kondusif bagi OKU supaya dasar pelantikan 1% OKU di setiap Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Pengisian Jawatan di Gred Yang Lebih Tinggi

11. Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan calon-calon yang berkelayakan, sama ada daripada dalaman atau luaran untuk mengisi jawatan di gred yang lebih tinggi kepada Pihak Berkuasa Melantik untuk mengisi kekosongan jawatan sama ada bagi jawatan tetap ataupun kontrak. Bagi tujuan tersebut,

Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri perlulah menyediakan kriteria dan justifikasi bagi pelantikan ke gred jawatan yang lebih tinggi tersebut dengan mengambilkira kelayakan akademik, pengalaman dan kepakaran pegawai atau calon. Kriteria yang telah disediakan perlu dikemukakan terlebih dahulu kepada SPA untuk kelulusan sebelum permohonan bagi pengambilan jawatan yang lebih tinggi dilaksanakan. Setelah mengenalpasti calon-calon bagi pelantikan ke gred jawatan yang lebih tinggi, Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri boleh mengemukakan maklumat calon untuk urusan temuduga dan pelantikan oleh SPA.

Perkhidmatan Gunasama dan Kader

12. Ketua Perkhidmatan bagi perkhidmatan gunasama dan perkhidmatan kader adalah bertanggungjawab untuk memohon kepada SPA bagi memenuhi kekosongan jawatan yang ada. Oleh itu, **pihak Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri hendaklah memaklumkan kepada Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mengenai kekosongan yang ada di organisasi masing-masing.** Urusan pengambilan hanya akan dijalankan setelah SPA menerima permohonan pengisian jawatan daripada Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Ketua Perkhidmatan Gunasama/Kader hendaklah prihatin tentang keperluan pengisian kekosongan jawatan yang berlaku di Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Peningkatan Secara Lantikan / Pegawai Sedang Berkhidmat

13. Kaedah permohonan daripada pegawai untuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) / Pegawai Sedang Berkhidmat (PSB) adalah sama dengan calon-calon LantikanTerus (LT)/ Lulusan Ijazah/ Sarjana/ Kedoktoran atau lepasan sekolah iaitu mesti dilakukan secara *online* menerusi Portal SPA. PSM di Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri hendaklah memaklumkan

kepada pegawai sedang berkhidmat, PSL termasuk pegawai yang ditempatkan secara kader di organisasi lain supaya pegawai-pegawai ini tidak ketinggalan untuk dipertimbangkan ke gred jawatan-jawatan yang lebih tinggi. **Pegawai-pegawai sedang berkhidmat perlu mengemas kini maklumat perkhidmatan di ruangan Pegawai Sedang Berkhidmat/PSL yang disediakan dalam portal SPA.** Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri juga perlu memastikan pegawai mendapat surat perakuan Ketua Jabatan, membawa Laporan Penilaian Prestasi terkini, slip gaji terakhir dan ringkasan Kenyataan Perkhidmatan sewaktu menghadiri temu duga. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri untuk memastikan pegawai mereka telah mengisytiharkan harta mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002.

Perancangan Urusan Pengambilan Secara MyRecruitment

14. Secara keseluruhannya, urusan pengisian jawatan-jawatan kosong adalah berdasarkan kepada kaedah **MyRecruitment**. Memandangkan urusan pengambilan melalui MyRecruitment perlu melalui proses tapisan, peperiksaan, pusat penilaian (assessment centre) dan temuduga, maka perancangan awal hendaklah dibuat oleh Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri dengan mengambilkira tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan saringan-saringan tersebut bagi memastikan pengisian kekosongan jawatan dapat dibuat tepat pada masanya.

Perwakilan Kuasa Temu Duga kepada Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri

15. Bagi mempercepatkan urusan temu duga, SPA telah mewakilkan kuasa temu duga kepada Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri melalui Perwakilan Kuasa P.U. (B) 496 bagi jawatan-jawatan kumpulan pelaksana 2. PSM di Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu memastikan

segala urusan tersebut mematuhi peraturan dan tempoh urusan pengambilan sebagaimana yang ditetapkan oleh SPA.

16. Urusan perwakilan kuasa temu duga bagi gred 27 dan ke atas atau jawatan-jawatan yang berkepakaran tinggi boleh diberikan kepada Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri tertakluk kepada persetujuan Suruhanjaya. Perwakilan kuasa temu duga ini akan melibatkan Lembaga Temu Duga yang terdiri daripada pegawai dari Skim Perkhidmatan yang sama dan dipengerusikan oleh Pegawai di gred Pengurusan dan Profesional (P&P) atau di gred JUSA.

Sesi Pra dan Pasca Temu Duga Bersama Wakil Jabatan

17. Penambahbaikan proses pengambilan adalah salah satu agenda utama dalam transformasi SPA. Ini kerana, proses temu duga yang dijalankan ke atas calon-calon perlu menepati keperluan dan kehendak Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri. Bagi memantapkan lagi urusan temu duga, pegawai-pegawai Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri yang dilantik sebagai wakil jabatan, perlu menghadiri sesi pra dan pasca temu duga. Sesi pra temu duga adalah bagi mengesahkan kekosongan jawatan, kelayakan bidang, keperluan gender, lokaliti kekosongan dan kemahiran lain yang diperlukan bagi jawatan tersebut. Maklumat tambahan ini amat membantu Pengerusi Lembaga Temu Duga untuk membuat pemilihan bagi calon yang layak dilantik dengan lebih tepat. Sesi pasca temu duga pula diadakan selepas keseluruhan sesi temu duga selesai di mana wakil jabatan perlu memberi pengesahan berhubung calon-calon yang telah dipertimbangkan untuk lantikan dan simpanan. Selain daripada itu, wakil-wakil jabatan boleh memberi maklum balas terhadap keseluruhan perjalanan urusan temu duga bagi tujuan penambahbaikan. Sesi pra dan pasca temu duga ini dipengerusikan oleh Pengerusi SPA sendiri.

Keutamaan kepada Calon Tempatan

18. Bagi memantapkan pelaksanaan urusan pengambilan, keutamaan boleh diberikan kepada kalangan anak-anak tempatan yang memenuhi syarat tapisan seperti jawatan Pemandu atau Pembantu Am Pentadbiran. Sebagai contohnya, kekosongan di Sabah dan Sarawak diisi oleh kalangan orang Sabah dan Sarawak bagi membolehkan pengetahuan dan pengalaman calon dimanfaatkan sepenuhnya bagi memudahkan urusan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

19. Walau bagaimanapun, iklan kekosongan bagi jawatan-jawatan yang ada di Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu sentiasa dihebahkan secara meluas kepada orang awam. Bagi mana-mana jawatan yang bersesuaian, calon daripada kalangan Orang Asli, OKU dan calon yang menerima bantuan di bawah program eKasih perlu diberi peluang yang adil dan saksama. Maklumat berkaitan lokaliti kekosongan perlu dimaklumkan kepada SPA semasa permohonan melalui ePengisian dibuat.

TARIKH KUAT KUASA

20. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2014**.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,



(DATUK RAMLI BIN JUHARI)

Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia

3 | Disember 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Negeri Melaka
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Negeri Pulau Pinang
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Negeri Perlis